



**PENGERUSI UDA, YBHG DATUK SERI DR MOHD SHAFEI ABDULLAH
SERAH SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MASJID, SURAU JUMAAT DAN
SURAU DI PROGRAM ANJURAN MAPEMS**

Sebanyak RM 79,000 diperuntukkan kepada 7 buah masjid 6 buah surau jumaat dan 39 buah surau sekitar Parlimen Wangsa Maju

Kuala Lumpur, 28 Februari – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat hartanah dan pengurusan aset yang mampan di Malaysia sekali lagi mengambil usaha murni dengan menyalurkan sumbangan zakat bertujuan membantu komuniti setempat. Sebanyak RM 79,000 wang zakat diperuntukkan pada sesi serahan kali ini yang disalurkan ke 7 buah masjid, 6 buah surau jumaat dan 39 buah surau sekitar Parlimen Wangsa Maju.

Penyerahan yang disempurnakan YBhg Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah, Pengerusi UDA yang juga Ketua Bahagian UMNO Cawangan Wangsa Maju itu berlangsung di Dewan SHAZAC BISTARI, Kompleks Yayasan Wangsa Perdana bersempena program anjuran Majlis Permuafakatan Masjid dan Surau (MAPEMS). Turut hadir bagi merasmikan program MAPEMS itu adalah YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Sumbangan kali ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan komuniti setempat selain turut mengeratkan hubungan. Ini kerana, fokus utama sumbangan disalurkan adalah untuk mengeratkan hubungan antara pihak UDA dan komuniti setempat selain mewujudkan keharmonian sesama ahli komuniti itu sendiri.

UDA sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan keseimbangan seiring dengan perkembangan perniagaan. Ini dilakukan kerana pihak UDA bukan sekadar fokus dalam menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia tapi dalam masa yang sama mengambil berat dan mendekati golongan memerlukan. Penjana pendapatan yang optimum diseimbangkan dengan berkongsi nikmat dengan golongan memerlukan.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +60122915427
- Norazuana Abdullah (Wana) | norazuana@udanet.com | +6019 223 9153

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855